A

Rosaini bin Shamsuddin lwn Antara Holiday Villas Sdn Bhd

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN SIVIL NO S2–23–32 TAHUN 2003

B AZMEL H

10 OCTOBER 2006

Tort — Fitnah — Libel dalam akhbar — Fitnah dalam akhbar asing di luar negeri —
C *Sama ada fitnah diterbitkan di Malaysia — Sama ada plaintif mesti membuktikan akhbar asing yang mengandungi fitnah tersebut telah dibawa masuk ke Malaysia — Sama ada fitnah berlaku di dalam bidang kuasa Mahkamah Malaysia*

Tort — Fitnah — Libel dalam akhbar — Fitnah dibuat oleh pihak ketiga — Sama ada
D *plaintif telah mengaitkan hubungan antara defendan dengan pihak ketiga tersebut di dalam penyataan tuntutannya*

Tort — Fitnah — Pliding — Fitnah dalam akhbar asing di luar negeri — Sama pliding
E *mesti menunjukkan fitnah diterbitkan di Malaysia dan mengaitkan hubungan antara defendan dengan pihak yang melakukan fitnah tersebut*

Plaintif pada masa yang material bertugas sebagai Resident Manager dengan
F defendan di Grand Holiday Villa Khartoum, Sudan. Defendan mempunyai alamat berdaftar di Malaysia dan menjalankan perkhidmatan pengurusan hotel. Plaintif menyatakan bahawa pada 30 Januari 2000 defendan secara palsu dan niat jahat telah menyiarkan suatu iklan di dalam akhbar *Khaleej Times*, Dubai, United Arab Emirates ('UAE') yang dikatakan oleh plaintif telah memfitnahnya. Oleh itu,
G plaintif membawa tindakan ini terhadap defendan dan menuntut ganti rugi. Plaintif mengatakan akhbar *Khaleej Times* mempunyai sebaran meluas di UAE dan di luar negara itu termasuk Malaysia. Akhbar tersebut dikatakan dibawa masuk ke Malaysia oleh beberapa pekerja Malaysia yang bekerja di Dubai dan disebarkan di Malaysia. Defendan sebaliknya memohon untuk mengetepikan writ saman dan penyataan tuntutan plaintif. Penolong kanan pendaftar ('PKP') telah menolak
H permohonan defendan, lantas rayuan ini kepada hakim dalam kamar terhadap keputusan PKP tersebut. Terdapat dua isu yang perlu diputuskan untuk menentukan sama ada plaintif mempunyai kausa tindakan terhadap defendan iaitu: (1) sama ada defendan yang mengeluarkan iklan di dalam *Khaleej Times*; dan (2) sama ada iklan di dalam akhbar *Khaleej Times* tersebut diterbitkan di Malaysia untuk menjadikan
I fitnah yang didakwa plaintif itu berlaku di dalam bidang kuasa mahkamah Malaysia.

Diputuskan, membenarkan rayuan dengan kos:

(1) Plaintif mestilah menyatakan dengan jelas di dalam plidingnya bahawa pekerja

Malaysia yang bekerja di Dubai membawa masuk akhbar *Khaleej Times* yang mempunyai iklan yang dikatakan mengandungi kata-kata yang bersifat fitnah tersebut ke Malaysia. Ini adalah suatu fakta yang amat penting yang perlu dinyatakan oleh plaintif di dalam plidingnya demi untuk membolehkan mahkamah Malaysia memperoleh bidang kuasa mendengar tuntutan ini. Berpandukan kepada tuntutan plaintif, plaintif telah gagal menyatakan bahawa akhbar *Khaleej Times* yang mengandungi iklan yang dikatakan bersifat fitnah itu telah dibawa masuk ke Malaysia. Tanpa menunjukkan iklan yang dikatakan bersifat fitnah itu diterbitkan di Malaysia maka, jika sekalipun, berlaku fitnah ianya tidak tertakluk kepada bidang kuasa mahkamah Malaysia (lihat perenggan 13–14).

(2) Di dalam penyataan tuntutannya, plaintif mengatakan iklan tersebut dikeluarkan oleh defendan. Tetapi iklan tersebut dibuat atas nama Mayfair Hotel. Di dalam penyataan tuntutannya plaintif tidak pula mengemukakan sebarang fakta mengenai perkaitan antara defendan dengan Mayfair Hotel. Tidak ada langsung pengataan yang menunjukkan Hotel Mayfair dimiliki oleh defendan (lihat perenggan 15). Di dalam tindakan ini pliding plaintif telah gagal mengaitkan hubungan antara defendan dengan Mayfair Hotel di dalam penyataan tuntutannya. Oleh itu plaintif telah gagal menunjukkan kuasa tindakan yang munasabah terhadap defendan (lihat perenggan 18).

[English summary

The plaintiff at the material time was working as the Resident Manager of the defendant at Grand Holiday Villa Khartoum, Sudan. The defendant had a registered address in Malaysia and operated the services of hotel management. The plaintiff had submitted that on 30 January 2000, the defendant had falsely and maliciously published an advertisement in the *Khaleej Times* newspaper, Dubai, United Arab Emirates ('UAE') which the plaintiff alleged had defamed him. Therefore, the plaintiff commenced this action against the defendant and claimed damages. The plaintiff submitted that the *Khaleej Times* newspaper had a wide coverage in UEA and other foreign countries including Malaysia. The newspaper was allegedly said to have been brought into Malaysia by several Malaysian workers who worked in Dubai and was disseminated in Malaysia. The defendant on the other hand had applied to set aside the plaintiff's writ of summons and statement of claim. The senior assistant registrar ('SAR') had dismissed the defendant's application, hence this appeal to the judge in chambers against the decision of the SAR. There were two issues for determination as to whether the plaintiff had a cause of action against the defendant, which were: (1) whether the defendant had issued the advertisement in the *Khaleej Times* newspaper; and (2) whether the advertisement in the *Khaleej Times* newspaper published in Malaysia formed a defamation as alleged by the plaintiff occurred within the jurisdiction of the Malaysian courts.

Held, allowing the appeal with costs:

1 The plaintiff must clearly state in his pleading that the Malaysian workers working in Dubai had brought in the *Khaleej Times* newspaper that had the

advertisement containing defamatory words into Malaysia. This is a crucial fact that the plaintiff should state in his pleading as to ensure that the Malaysian courts be given the jurisdiction to hear this claim. Based on the plaintiff's statement, the plaintiff had failed to show that the *Khaleej Times* newspaper contained the advertisement which allegedly was defamatory in nature had been brought into Malaysia. Without showing the allegedly defamatory advertisement was published in Malaysia therefore, even if, there was defamation it was not bound by the jurisdiction of the Malaysian courts (see paras 13–14).

2 In his statement of claim, the plaintiff submitted that the advertisement had been issued by the defendant. However the advertisement was made under the name of Mayfair Hotel. In his statement of claim, the plaintiff had not disclosed any facts with regards to the connection between the defendant and Mayfair Hotel. There was no allegation to show that Mayfair Hotel was owned by the defendant (see para 15). In this action, the plaintiff's pleading had failed to connect the relationship between the defendant and Mayfair Hotel in his statement of claim. Therefore, the plaintiff had failed to prove any reasonable cause of action against the defendant (see para 18).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai libel dalam akhbar, lihat 12 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2002 Reissue) perenggan 440.

Untuk kes-kes mengenai pliding fitnah, lihat 12 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2002 Reissue) perenggan 458–464.

Undang-undang yang dirujuk

Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 6 k 4(1)(a), A 78 k 3

M Manoharan (M Manoharan & Co) bagi pihak plaintif.
Stanislaus Cross (YH Teh & Quek) bagi pihak defendan.

Azmel H (sekarang HMP):

[1] Plaintif pada masa yang material bertugas sebagai Resident Manager dengan defendan di Grand Holiday Villa Khartoum, Sudan. Defendan mempunyai alamat berdaftar di Malaysia dan menjalankan perkhidmatan pengurusan hotel.

[2] Plaintif menyatakan pada 30 Januari 2000, defendan secara palsu dan niat jahat telah menyiarkan suatu iklan di dalam akhbar *Khaleej Times*, Dubai, United Arab Emirates ('UAE') yang menyatakan plaintif telah meninggalkan Mayfair hotel Dubai tanpa melalui prosidur undang-undang.

[3] Plaintif menegaskan perkataan di dalam iklan tersebut membawa maksud antara lain bahawa plaintif tidak layak untuk memegang jawatan Resident Manager defendan, melakukan kesalahan jenayah, integriti plaintif boleh diragukan, plaintif telah menghilang diri, plaintif bukan seorang yang jujur. Plaintif mendakwa iklan tersebut telah memfitnahnya.

[4] Plaintif juga mendakwa akhbar *Khaleej Times* mempunyai sebaran meluas di UAE dan di luar negara itu termasuk Malaysia. Akhbar tersebut dimasukkan ke Malaysia oleh beberapa pekerja Malaysia yang bekerja di Dubai dan disebarkan di Malaysia.

[5] Plaintif mendakwa iklan tersebut tidak benar kerana pada masa yang berkenaan plaintif telah pun ditukarkan oleh defendan ke Kemboja bermula pada 1 Oktober 1999. Oleh itu, plaintif membawa tindakan ini terhadap defendan dan menuntut ganti rugi.

[6] Di dalam pembelaannya, defendan mendakwa Mayfair bukan dimiliki oleh defendan dan menafikan menyebabkan disiarkan iklan di dalam akhbar *Khaleej Times*.

[7] Melalui kandungan 8, defendan telah membuat permohonan seperti berikut:

(a) writ saman dan penyataan tuntutan plaintif diketepikan;

(b) kos permohonan ditanggung oleh plaintif; dan

(c) apa-apa relif yang difikirkan patut dan suai manfaat oleh mahkamah.

[8] Permohonan defendan ini telah didengar oleh penolong kanan pendaftar ('PKP'). Di akhir pembicaraannya PKP telah menolak permohonan defendan.

[9] Melalui kandungan 13, defendan telah memfailkan rayuan kepada hakim dalam kamar terhadap keputusan PKP tersebut. Alasan yang digunakan oleh defendan adalah seperti berikut:

(a) writ saman dan penyataan tuntutan plaintif adalah cacat kerana tidak mematuhi Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT') kerana:

  (i) tidak mengandungi alamat plaintif seperti kehendak A 6 k 4(1)(a) KMT; dan

  (ii) penyataan tuntutan tidak bertarikh.

(b) plaintif gagal menyertakan butir-butir yang diperuntukkan di bawah A 78 k 3 A 78 k 3 KMT;

(c) tindakan plaintif di luar bidang kuasa mahkamah kerana fakta yang membangkitkan alasan tindakan bertaku di Dubai, UAE;

(d) iklan yang dikatakan mengandungi perkataan fitnah bukan dilakukan oleh defendan tetapi oleh Mayfair Hotel.

[10] Sebagai jawapan plaintif mendakwa defendan adalah pemilik sebenar Mayfair. Plaintif juga mendakwa bahawa alasan tindakan plaintif wujud di Malaysia kerana beberapa orang warganegara Malaysia yang bekerja di Dubai telah membawa masuk akhbar *Khaleej Times* ke Malaysia dan ramai pembaca-pembaca Malaysia membaca akhbar *Khaleej Times* khususnya kakitangan defendan.

[11] Terdapat dua isu yang perlu diputuskan untuk menentukan sama ada plaintif mempunyai kausa tindakan terhadap defendan iaitu:

(a) sama ada defendan yang mengeluarkan iklan di dalam *Khaleej Times*; dan

(b) sama ada iklan di dalam akhbar *Khaleej Times* tersebut diterbitkan di Malaysia untuk menjadikan fitnah yang didakwa paintif itu berlaku di dalam bidang kuasa Mahkamah Malaysia.

[12] Mengenai isu pertama plaintif di dalam perenggan 11 penyataan tuntutannya mendakwa akhbar *Khaleej Times* telah dibawa masuk ke Malaysia oleh pekerja Malaysia yang bekerja di Dubai. Akan tetapi plaintif tidak menyatakan di dalam penyataan tuntutannya bahawa akhbar *Khaleej Times*j yang diterbitkan pada 30 Januari 2000 yang mengandungi iklan yang dikatakan bersifat fitnah tersebut telah dibawa masuk ke Malaysia.

[13] Pada pandangan saya, apa yang sangat penting di dalam tuntutan ini ialah bukan fakta mengenai akhbar *Khaleej Times* dibawa masuk ke Malaysia oleh pekerja Malaysia yang bekerja di Dubai, tetapi plaintif mestilah menyatakan dengan jelas di dalam plidingnya bahawa pekerja Malaysia yang bekerja di Dubai membawa masuk akhbar *Khaleej Times* yang mempunyai iklan yang dikatakan mengandungi kata-kata yang bersifat fitnah tersebut ke Malaysia. Ini adalah suatu fakta yang amat penting yang perlu dinyatakan oleh plaintif di dalam plidingnya demi untuk membolehkan Mahkamah Malaysia memperoleh bidang kuasa mendengar tuntutan ini.

[14] Berpandukan kepada tuntutan plaintif, saya berpendapat plaintif telah gagal menyatakan bahawa akhbar *Khaleej Times* yang mengandungi iklan yang dikatakan bersifat fitnah itu telah dibawa masuk ke Malaysia. Tanpa menunjukkan iklan yang dikatakan bersifat fitnah itu diterbitkan di Malaysia maka, jika sekalipun, berlaku fitnah ianya tidak tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.

[15] Mengenai isu kedua pula iaitu sama ada iklan tersebut diterbitkan atas arahan defendan. Di dalam penyataan tuntutannya, plaintif mengatakan iklan tersebut dikeluarkan oleh defendan. Tetapi iklan tersebut dibuat atas nama Mayfair Hotel. Di dalam penyataan tuntutannya, plaintif tidak pula mengemukakan sebarang fakta mengenai perkaitan antara defendan dengan Mayfair Hotel. Tidak ada langsung pengataan yang menunjukkan Hotel Mayfair dimiliki oleh defendan.

[16] Di dalam afidavit sokongannya defendan telah menafikan yang Hotel Mayfair dimiliki oleh defendan. Plaintif pula, di dalam afidavit jawapannya gagal mengemukakan sebarang bukti bahawa defendan memiliki Hotel Mayfair. Apa yang dapat dikemukakan oleh plaintif ialah surat pelantikan plaintif yang mana letterhead surat pelantikan plaintif itu ada tertera nama Mayfair Hotel DAE sebagai satu dari hotel-hotel yang diuruskan oleh defendan. Namun begitu, plaintif telah gagal menyatakan hubungan defendan dengan Mayfair Hotel di dalam penyataan tuntutannya. Perhubungan defendan dengan Mayfair Hotel perlu dinyatakan di dalam penyataan tuntutan plaintif. Ini adalah penting kerana segala alasan/kuasa tindakan sesuatu tuntutan mesti ditimbulkan di dalam penyataan tuntutan.

[17] Adalah menjadi undang-undang yang mantap bahawa mana-mana pihak di dalam satu tindakan sama ada plaintif atau defendan tidak dibenarkan oleh undang-undang untuk memperbaiki pliding melalui afidavit. Plaintif atau defendan terikat dengan pliding yang telah difailkan. Pliding hanya boleh dibaiki melalui pindaan dengan mendapat kebenaran mahkamah terlebih dahulu. Di dalam tindakan ini, plaintif tidak memohon apa-apa pindaan kepada penyataan tuntutannya.

[18] Di dalam tindakan ini, pliding plaintif telah gagal mengaitkan hubungan antara defendan dengan Mayfair Hotel di dalam penyataan tuntutannya. Oleh itu, saya berpendapat plaintif telah gagal menunjukkan kuasa tindakan yang munasabah terhadap defendan. Dengan hal yang demikian, saya benarkan rayuan defendan dengan kos

Rayuan dibenarkan.

Reported by Loo Lai Mee